

Mendapan baharu: DBKL pasang pita penghalang

Kuala Lumpur: Mendapan jalan dilaporkan berlaku di Jalan Melaka di sini, kira-kira 300 meter dari Jalan Masjid India yang menyebabkan seorang wanita warga India hilang selepas terjatuh dalam tanah jerlus pada Jumaat lalu.

Berikutan itu, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) terpaksa memasang pita penghalang untuk keselamatan dalam kejadian yang dipercayai berlaku semalam.

Bagaimanapun, Pusat Gerakan Operasi Jabatan Bomba dan Penye-

lamat Malaysia (JBPM) Kuala Lumpur berkata, sehingga petang semalam pihaknya tidak menerima laporan berhubung kejadian tanah mendap berhampiran ibu pejabat sebuah bank di sini.

“Bagi kes yang didakwa berlaku di depan ibu pejabat bank terbabit, bomba tidak dapat sebarang aduan,” katanya ringkas semalam.

Sementara itu, DBKL juga memaklumkan pihaknya sudah menjalankan kerja pembaikan di Jalan Dewan Bahasa, Kampung Attap di

sini, yang dilaporkan berlaku tanah mendap seperti gambar yang ditularkan semalam.

Menerusi satu kenyataan ringkas dalam hantaran di Facebook rasminya, DBKL memaklumkan bahawa gambar yang tular itu adalah gambar lama.

“Dimaklumkan bahawa gambar tersebut merupakan gambar lama dan kerja-kerja pembaikan terhadap kerosakan di jalan terbabit sudah dijalankan,” katanya dalam hantaran itu.